

SISTEM PENGURUSAN AUDIT NILAI (SPAN)

PENGENALAN

Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) dilaksanakan berdasarkan **ARAHAN YAB PERDANA MENTERI NO.1 TAHUN 1998 SIRI 7 NO.1 TAHUN 2007 GERAKAN PEMANTAPAN KEUTUHAN SISTEM PENGURUSAN PENTADBIRAN KERAJAAN MALAYSIA : PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN AUDIT NILAI DALAM PERKHIDMATAN AWAM** dan pelaksanaan SPAN ini telah dilaksanakan di Kementerian/Jabatan dan Agensi sejak tahun 2007.

TUJUAN

SPAN bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan program-program pembaharuan perkhidmatan awam yang terkandung di dalamnya nilai-nilai murni dan seterusnya membangunkan strategi meningkatkan pengamalan nilai-nilai di kementerian/jabatan/agensi.

SPAN juga dilaksanakan bagi mempertingkatkan kualiti dan imej perkhidmatan awam Malaysia supaya menjadi lebih efisien dan dihormati yang dicerminkan melalui :

- 1) Penyampaian perkhidmatan yang efektif, telus dan cemerlang
- 2) Pencegahan kepada perlakuan negatif seperti penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah
- 3) Budaya kerja berasaskan prestasi
- 4) Daya kepimpinan yang mantap dan berwibawa

KAEDAH PENGUKURAN

SPAN diukur melalui 5 Dimensi iaitu :

- 1) Rekod Amalan Nilai
- 2) Indeks Ideal
- 3) Indeks Peribadi
- 4) Indeks Organisasi
- 5) Maklum Balas Pelanggan

TAHAP PENGAMALAN NILAI MENGIKUT SPAN

90 – 100 (Cemerlang Dan Perlu Dikekalkan)

80 – 89 (Boleh Diterima Dengan Meneruskan Usaha Peningkatan)

60 – 79 (Perlu Penambahbaikan Dengan Pemantauan)

59 dan kebawah (Sangat Perlu Penambahbaikan Dengan Pemantauan)